

20 MAY 2003

Ghani-Lembangan (Bergambar)

PROJEK LEMBANGAN TEBRAU BUKTI KOMITMEN KERAJAAN

JOHOR BAHRU, 20 Mei (Bernama) -- Kesemua kira-kira 7,000 keluarga setinggan di tebing Sungai Tebrau dan Sungai Plentong di sini akan mendapat unit rumah di projek Pembangunan Lembangan Tebrau Plentong.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman yang memberi jaminan itu hari ini, berkata bahawa apabila siap pembangunan itu yang dijalankan secara berperingkat-pringkat itu siap pada tahun 2008, semua setinggan yang ada akan dapat menduduki rumah baru.

"Projek ini sesungguhnya membuktikan komitmen penuh kerajaan terhadap rakyat berpendapatan rendah," katanya ketika berucap pada majlis taklimat mengenai projek itu kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di tapak projek itu di sini.

Abdul Ghani berkata kerajaan negeri telah mengenalpasti tanah seluas 2,000 hektar di lembangan kedua-dua sungai itu untuk dibangunkan walaupun terpaksa menanggung kos yang lebih besar kerana kawasan berkenaan terpaksa ditambak.

Katanya, 186 keluarga setinggan di Kampung Tok Siak yang dijangka mula menduduki rumah baru mereka berupa flat lima tingkat tiga bilik dengan keluasan 900 kaki persegi setiap unit pada Nov ini, disusuli setinggan di beberapa kampung lain.

Abdul Ghani berkata antara kampung itu ialah Kampung Datuk Hajah Hasnah, Kampung Belatek, Kampung Tengah, Kampung Bunga Raya, Desa Melayu dan Desa Makmur.

Katanya, dengan lokasi tapak projek pembangunan yang dirancang itu terletak hanya lima kilometer dari pusat bandar raya, mereka tidaklah perlu berpindah jauh bahkan kekal sebagai pengundi di kawasan peti undi masing-masing dalam kawasan parlimen Johor Baharu.

Satu unit rumah pangsa di tapak yang dikelilingi projek pangsapuri mewah itu ditawarkan kepada penduduk berkenaan dengan harga RM25,000 seunit walaupun harga kosnya ialah lebih RM100,000 yang melibatkan subsidi RM75,000.

Bagi Projek Perumahan Rakyat Sri Stulang bersebelahan pula, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini telah meluluskan peruntukan bagi mendirikan rumah pangsa rakyat untuk disewakan.

Ia terletak di tapak seluas kira-kira 16 hektar termasuk 10 hektar tanah yang dikurniakan oleh Sultan Johor, katanya.

"Kerajaan negeri juga sudah mengenalpasti 17 kampung setinggan yang sudah berpuluh tahun didiami rakyat, yang sudah tersusun dan mempunyai kemudahan asas, untuk dikurniakan kepada penduduk berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

MNY MOZ